

# Family Tax Benefit Part A (Faedah Cukai Keluarga Bahagian A)



## Family Tax Benefit Part A—Malay

Membantu keluarga dengan biaya mengasuh anak. Family Tax Benefit Part A (Faedah Cukai Keluarga Bahagian A) dibayar untuk setiap anak dan dikira berdasarkan pendapatan tahunan gabungan keluarga anda serta umur dan bilangan anak tanggungan dalam keluarga anda.

Jika anda memilih untuk menerima bayaran setiap dua minggu, anda akan perlu menganggarkan pendapatan keluarga anda untuk tahun kewangan mendatang. Anda juga boleh memilih untuk menerima Family Tax Benefit Part A anda secara tahunan sebagai jumlah sekaligus atau sebahagian bayaran anda diterima setiap dua minggu dan selebihnya setelah akhir tahun kewangan. **Pilihan-pilihan ini mengurangkan risiko anda menerima bayaran berlebihan.**

### Siapa yang boleh menerima faedah ini?

Anda mesti:

- memberi penjagaan selama sekurang-kurangnya 35 peratus daripada masa bagi anak tanggungan yang berumur di bawah 21 tahun, atau pelajar tanggungan penuh masa berumur 21 hingga 24 tahun (termasuk penjaga angkat dan datuk nenek);
- memenuhi syarat-syarat menetap di Australia untuk tujuan bantuan keluarga; **dan**
- memenuhi syarat ujian pendapatan.

Jika anda bersama-sama menjaga anak anda, antara 35 hingga 65 peratus masa, anda mungkin menerima sebahagian daripada Faedah Cukai Keluarga Bahagian A.

Jika anda menjaga anak anda secara berkala, antara 14 dan kurang daripada 35 peratus masa, anda mungkin masih layak menerima komponen bantuan sewa daripada FTB Bahagian A dan faedah lain daripada kerajaan seperti Kad Penjagaan Kesihatan dan nilai ambang bawah Medicare Safety Net.

### Berapa banyak yang boleh saya terima?

Semua kadar adalah betul pada 01/07/2008.

**Kadar maksimum\* Family Tax Benefit Part A adalah seperti berikut:**

Untuk setiap anak	Setiap dua minggu	Setiap tahun (termasuk suplemen)
Di bawah 13 thn	\$151.34	\$4,631.85
13-15 tahun	\$196.84	\$5,818.10
16-17 tahun	\$48.30	\$1,945.45
18-24 tahun	\$64.96	\$2,379.80

\* Kadar maksimum dibayar sampai pendapatan keluarga sebanyak \$42,559. Bayaran akan dikurangkan sebanyak 20 sen untuk setiap dolar di atas \$42,559 sampai ke kadar dasar.

**Kadar asas\* Family Tax Benefit Part A adalah seperti berikut:**

Untuk setiap anak	Setiap dua minggu	Setiap tahun (termasuk suplemen)
Di bawah 18 thn	\$48.30	\$1,945.45
18-24 tahun	\$64.96	\$2,379.80

\* Bayaran separa pada kadar dasar disediakan sampai pendapatan keluarga sebanyak \$94,316.

We speak your language ☎ 13 1202

[www.familyassist.gov.au](http://www.familyassist.gov.au)



**Australian Government**  
**Family Assistance Office**

### Apakah Ujian Pendapatan?

- **Untuk kadar maksimum:** Pendapatan keluarga boleh sebanyak \$42,559 setahun sebelum bayaran terjejas.
- **Untuk kadar separa:** Jika pendapatan anda melebihi \$42,559 setahun, bayaran anda akan dikurangkan sebanyak 20 sen untuk setiap dolar di atas \$42,559 sehingga kadar dasar dicapai. Faedah dibayar pada kadar ini sehingga pendapatan keluarga mencapai \$94,316 setahun.
- **Kadar dasar:** Jika pendapatan anda melebihi \$94,316 bayaran kemudian akan dikurangkan sebanyak 30 sen untuk setiap dolar di atas jumlah tersebut sehingga bayaran tersebut mencapai sifar. Pendapatan anda boleh bertambah sebanyak \$3,796 untuk setiap anak tambahan dalam penjagaan anda setelah anak pertama.

Anda patut bertanya kepada Family Assistance Office (Pejabat Bantuan Keluarga) tentang had pendapatan untuk umur dan bilangan anak dalam keluarga anda.

Jika anda menerima sokongan anak, Faedah Cukai Keluarga Bahagian A anda mungkin tertakluk kepada ujian pendapatan penjagaan.

### Apakah Family Tax Benefit Part A Supplement (Suplemen Faedah Cukai Keluarga Bahagian A)?

Ini merupakan peningkatan dalam kadar tahunan Faedah Cukai Keluarga Bahagian A sebanyak \$686.20 per anak untuk dibayar sekaligus setelah akhir tahun kewangan apabila anda dan pasangan anda mengajukan laporan cukai. Sila hubungi Pejabat Bantuan Keluarga jika anda dan pasangan anda tidak perlu mengajukan laporan cukai. Tambahan Faedah Cukai Bahagian A digunakan untuk membalas imbal bayaran berlebihan belum lunas sekiranya keluarga telah dibayar berlebihan.

### Bolehkan kami meninggalkan Australia dan masih dibayar Family Tax Benefit Part A?

Anda boleh dibayar Family Tax Benefit Part A jika anda atau anak anda tidak berada di Australia selama kurang daripada 13 minggu. Jika bepergian lebih daripada 13 minggu, tetapi kurang daripada 3 tahun, anda dapat menerima kadar asas Family Tax Benefit Part A sahaja. Anda mesti memberitahu Family Assistance Office tentang sebarang kepergian sementara sebelum anda atau anak anda meninggalkan Australia supaya tetap dibayar pada masa tersebut.

### Untuk maklumat lanjut:

- Hubungilah Family Assistance Office (Pejabat Bantuan Keluarga) pada nombor **13 1202** antara pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang (Waktu Standard Timur) Isnin hingga Jumaat untuk maklumat dalam bahasa Melayu.
- Kunjungilah tapak web di [www.familyassist.gov.au](http://www.familyassist.gov.au)
- Sila kunjungi Pejabat Bantuan Keluarga terdekat di pejabat Medicare Australia, Pusat Perkhidmatan Pelanggan Centrelink dan Pejabat Cukai Australia.